

14 AUG 2002

Mustafa-Siasat/I

PAS GESA SPR SIASAT DAKWAAN "PENGUNDI HANTU"

KUALA TERENGGANU, 14 Ogos (Bernama) -- PAS menggesa Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menyiasat dakwaan bahawa parti itu membawa pengundi dari kawasan lain untuk mengundinya pada pilihan raya kecil Anak Bukit baru-baru ini.

Naib Presiden PAS Datuk Mustafa Ali berkata tuduhan itu adalah tidak berasas dan SPR perlu menyiasat perkara itu.

"Tuduhan seumpama itu adalah tidak berasas dan pemimpin-pemimpin Umno sering mengulangi tuduhan itu bagi tujuan mencemarkan reputasi PAS," katanya pada sidang media di sini semalam.

Beliau mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Ahad lepas yang mendakwa PAS telah membawa pengundi dari kawasan lain untuk memenangi pilihan raya di kawasan tertentu seperti Anak Bukit.

Dr Mahathir dipetik sebagai berkata bahawa pada pilihan raya kecil Anak Bukit bulan lepas, PAS telah membawa 2,000 pengundi dari kawasan beliau di Kubang Pasu untuk mengundi Anak Bukit.

Mustafa berkata pemimpin-pemimpin Umno patut menerima hakikat bahawa parti itu tewas di Anak Bukit dan tidak mencari alasan bagi kekalahannya itu.

Beliau berkata PAS bersedia untuk menerima sebarang keputusan oleh SPR untuk menyeragamkan sistem pilihan raya iaitu hanya pengundi tetap sesebuah tempat di kawasan berkenaan dibenarkan mengundi di kawasan masing-masing.

"Bagaimanapun, pada ketika ini, peraturan seumpama itu masih belum dilaksanakan iaitu pengundi dari luar tidak dibenarkan mengundi di kawasan yang mereka telah berdaftar," katanya.

Mustafa berkata tiada siapa patut mempersoalkan kemenangan PAS dalam pilihan raya kecil Anak Bukit kerana keputusan itu adalah betul dan pengundi adalah penduduk setempat.

-- BERNAMA

MRA RHM